

## **Hormatilah Adat Resam Dalam Masyarakat, Serta Kepercayaan dan Tradisi Yang Penting Bagi Orang Lain**

Insan yang terhormat perlu memerhatikan perasaan orang lain. Mereka menghormati adat resam dan kesopanan dalam masyarakat umum, juga kepercayaan, tradisi dan adat istiadat orang lain. Hal ini mencakupi cara berpakaian, berbicara dan bertindak dengan cara yang tidak menyinggung perasaan. Misalnya, bukanlah tingkah laku yang baik jika kita ke rumah ibadat dengan mengenakan seluar pendek, mengucapkan kata-kata yang kasar kepada guru, menghina berdasarkan etnik atau ras atau mengucapkan kata-kata yang negatif dan berbau seksual.

## **Menjalani Hidup Sesuai dengan Peraturan Emas (Golden Rule)**

Insan yang terhormat hidup sesuai dengan Peraturan Emas, iaitu melayani orang lain sebagaimana dia ingin dilayan oleh orang lain. Kita tidak ingin dibentak, dihina atau diabaikan, maka seharusnya kita tidak membentak, menghina atau mengabaikan orang lain.

Baik ibu bapa mahupun remaja sering melanggar Peraturan Emas dalam komunikasi mereka. Mereka sering bersikap kurang menghargai melalui reaksi wajah, gerak tubuh, isyarat dan nada suara. Ibu bapa harus mengajar dan memberi contoh cara berkomunikasi kepada anak remaja mereka supaya apabila orang lain memerhatikan komunikasi mereka, akan tahu bahawa kedua belah pihak saling menghormati satu sama lain.

Ibu bapa dan anak juga sering sukar berbincang dan mendengar pendapat antara satu sama lain. Kita perlu ingat bahawa setiap orang ingin didengarkan. Kita seharusnya memberikan kesempatan kepada orang lain untuk menyatakan pendapatnya dan kita harus mendengarkan apa yang dikatakannya. Kita tentu sahaja tidak bersetuju terus dengan pendapat orang lain, tetapi kita tidak boleh terus menolak pendapatnya yang jujur.

Masalah komunikasi yang lain adalah merungut, yang pada dasarnya tidak menunjukkan sikap hormat. Namun, baik ibu bapa mahupun anak sering saling merungut antara satu sama lain. Insan yang terhormat bukanlah orang yang suka turut campur, kasar atau suka menyinggung, juga tidak menuntut orang lain agar selalu setuju dengannya, atau selalu mengikuti nasihatnya.

Dengan mematuhi Peraturan Emas, kita mendapatkan suatu kerangka untuk memahami dan menangani masalah yang berkait dengan peribadi. Ibu bapa harus mendidik anak mereka untuk mengenali dan menghormati batas-batas peribadi orang lain, tempat-tempat peribadi yang tidak boleh dimasuki oleh orang lain tanpa izin. Akan tetapi, peribadi adalah masalah yang harus terus-menerus dipertimbangkan. Apakah saya mengganggu? Apakah sikap saya yang penuh selidik ini menyebabkan rasa malu ataupun rasa terhina?

Remaja nampaknya mudah sekali memahami jika peribadinya diganggu, tetapi harus dididik untuk menyedari perkara-perkara peribadi orang lain yang juga tidak boleh diganggu.

Masalah peribadi sering menimbulkan kesukaran bagi ibu bapa yang harus berurusan dengan peribadi anak-anak remajanya. Mampukah ibu bapa yang mencurigai anak lelakinya terlibat dengan dadah atau anak perempuannya terlibat dengan seks luar nikah, mencari bukti di bilik tidur atau beg tangan anaknya tanpa pengetahuan si anak? Pada hal-hal ekstrem, jawapannya mungkin ya; bukan kerana pelanggaran peribadi tersebut merupakan tindakan terhormat, melainkan kerana mungkin tidak ada cara lain yang lebih baik untuk menerapkan hak dan kewajipan ibu bapa dalam menjaga kepentingan anaknya dalam jangka panjang. Akan tetapi, bagaimanapun, tindakan tersebut akan dibenci oleh remaja dan boleh merosak jalinan kepercayaan yang sudah terbina.

Mungkin sebaliknya diingat bahawa tuntutan peribadi bukanlah "hak" yang mutlak, terutama apabila bersangkutan dengan kesejahteraan anak. Meskipun tidaklah elok mengganggu hal peribadi anak hanya kerana ingin tahu, apabila kepentingan anak menjadi taruhan, adalah sah, wajar dan benar bagi ibu bapa, guru dan polis untuk mengganggu perkara peribadi ini demi kebaikan anak itu sendiri.